

Analisis Ringkas Impak Dakwah Kepada Golongan Mualaf di Hulu Langat, Selangor

BITARAVolume 3, Issue 2, 2020: 110-123
© The Author(s) 2020
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[A Brief Analysis of the Impact of Dakwah to the Mualaf in Hulu Langat, Selangor]

Siti Nurjannati Mohamed¹ & Razaleigh Muhamat @ Kawangit¹

Abstrak

Usaha penyebaran dakwah kepada golongan bukan Islam giat dilakukan oleh pusat dan organisasi Islam di Malaysia. Pelbagai kaedah dan pendekatan digunakan untuk menarik perhatian orang yang diseru. Begitu juga dengan aktiviti pendidikan dan dakwah giat dijalankan kepada golongan mualaf selepas pemelukan Islam. Namun begitu, masalah murtad di kalangan mualaf masih terjadi sehingga menimbulkan pelbagai spekulasi tentang impak yang diterima oleh golongan mualaf melalui pendekatan dakwah. Oleh itu, satu kajian dijalankan kepada golongan mualaf di daerah Hulu Langat yang mempunyai populasi golongan mualaf yang besar. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji impak dakwah kepada golongan mualaf di Hulu Langat, Selangor. Umumnya kajian ini menggunakan pakai metode kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Sebanyak 132 set soal selidik telah diedarkan secara rawak kepada semua responden dari kalangan mualaf di beberapa tempat di daerah Hulu Langat, Selangor. Dapatan kajian impak dakwah kepada golongan mualaf yang paling disetujui ialah wujudnya perasaan tenang dan tenteram di dalam diri selepas memeluk agama Islam yang mencatat peratus sebanyak 75%. Hasil kajian ini diharap mampu memberi sumbangan untuk penyelidikan dan organisasi tertentu dalam mengkaji impak dakwah kepada golongan mualaf.

Kata kunci:

Impak, Dakwah, Mualaf

Abstract

Order spread dakwah to the non-Muslims actively done by the center and the organization of Islam in Malaysia. A variety of methods and approaches used to attract the attention of the person invited. So also with the educational activities and preaching in full swing to the converts after conversion to Islam. Nevertheless, the problem of apostasy among mualaf is still going on until provoked various speculation about the impact received by the mualaf through a missionary approach. Therefore, a study is carried out to the mualaf in the district of Hulu Langat which has a population the mualaf great. The objective of this study is to examine the impact of dakwah to the mualaf in Hulu Langat, Selangor. Generally this study adopted the methods of the study kepustakaan and field studies. A total of 132 sets of questionnaires were distributed randomly to all the respondents from among the mualaf in some places in the district of Hulu Langat, Selangor. The findings of the study of the impact of dakwah to the mualaf of the most approved is that there's a feeling of calm and serene inside after embracing the religion of Islam which recorded a percent of 75%. The results of this study hopefully could give contribution for the researcher and the specific organization in the review of the impact of dakwah to the mualaf.

Keywords:

Impact, Dakwah, Mualaf

¹ Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author:

RAZALEIGH MUHAMAT @ KAWANGIT, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi Selangor, MALAYSIA. E-mail: raza@ukm.edu.my

Cite This Article:

Siti Nurjannati Mohamed & Razaleigh Muhamat @ Kawangit. 2020. Analisis ringkas impak dakwah kepada golongan mualaf di Hulu Langat, Selangor. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(2): 110-123.

Pengenalan

Kertas kerja ini membincangkan secara terperinci tentang dapatan kajian yang diperolehi iaitu mengandungi interpretasi yang merangkumi keseluruhan ruang lingkup mengenai impak dakwah kepada golongan *mualaf* dalam kehidupan mereka setelah memeluk Islam. Analisis kajian ini dibuat berdasarkan kepada soal selidik yang diedarkan kepada 132 responden secara rawak mudah dalam beberapa pusat pengajian di sekitar daerah Hulu Langat. Kemudian data daripada soal selidik telah dianalisis menggunakan system *Statistical Package for Social Science* (SPSS), versi 26.

Latar Belakang Kajian

Kesan daripada konsep rahmah yang diterapkan dalam Islam memberikan keselesaan kepada penganut bukan Islam untuk mendekati dan mempelajari agama Islam. Hasilnya, timbul kesedaran dan keyakinan dalam diri penganut bukan Islam bahawa Islam mendatangkan ketenangan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Justeru itu, atas dasar kebenaran yang jelas, golongan bukan Islam sanggup menukarkan pegangan dan agama kepada agama Islam. Setelah melafazkan kalimah syahadah, mereka adalah merupakan mualaf dalam Islam. Golongan ini dikenali dengan istilah *mualaf*.

Mualaf bermaksud orang yang baru memeluk Islam atau saudara baru (Kamus Dewan 2013). Dalam Kamus Istilah Fiqh (1997), *mualaf* ialah mereka yang dipujuk hatinya atau yang baru memeluk Islam dan iman mereka masih lemah. Menurut Amran Kasimin (1985), umumnya gelaran ini diberikan oleh orang Melayu kepada orang-orang Cina, India dan bangsa lain yang memeluk Islam.


Mualaf terdiri daripada tiga golongan iaitu golongan remaja, dewasa dan tua. Setiap golongan ini mempunyai hak di dalam Islam sama seperti penganut agama Islam yang lain. Antara hak yang wajib ditunaikan oleh pihak bertanggungjawab adalah hak menyampaikan dakwah kepada golongan Muslim dan juga *mualaf*.

Dalam rajah 1 kerangka konseptual kajian menunjukkan bahawa konsep dakwah memfokuskan kepada tiga golongan iaitu golongan Muslim, non-Muslim dan juga kepada golongan *mualaf*. Konsep dakwah secara umumnya menyeru kearah kebaikan. Selain kata “*dakwah*”, al-Qur’an juga menyebutkan kata yang memiliki pengertian yang hampir sama dengan “*dakwah*”, yakni kata “*tabligh*” yang berarti penyampaian, dan “*bayan*” yang berarti penjelasan.

Beberapa pendekatan dakwah yang terbaik boleh digunakan untuk memastikan golongan mualaf ini sentiasa memahami ajaran agama Islam yang sebenar dan tidak timbul salah faham pada dasar konsep agama ajaran Islam di kemudian nanti. Disinilah apabila kaedah

penyampaian dakwah disampaikan secara baik maka akan terserlah impact dakwah kepada golongan *Mualaf*.

Daripada hasil kajian ini kita dapat memperoleh dengan jelas tahap kefahaman *mualaf* pada dakwah itu sendiri berdasarkan dengan mengetahui tujuan sebenar pemeluk Islam, pendekatan dakwah yang sesuai dan juga impact dakwah kepada golongan *mualaf*.



Rajah 1: Kerangka konseptual kajian

Sumber: Razaleigh, 2019

Dalam melaksanakan kajian, digunakan beberapa metode kajian atau reka bentuk kajian. Menurut Rohana Yusof (2003) metode kajian ialah kaedah atau teknik penyelidikan yang digunakan bagi mengumpul data. Selain itu, metode kajian juga bermaksud sebagai satu falsafah proses penyelidikan. Ini termasuklah andaian-andaian dan nilai-nilai yang menjadi dasar untuk digunakan oleh penyelidik dalam mentafsir data bagi membuat kesimpulan.

Kajian ini melibatkan pengumpulan data maklumat yang berkaitan dengan kesan dakwah atau impact dakwah kepada golongan *mualaf* khususnya. Bagi mengenalpasti tahap keberkesanan dakwah Islam kepada golongan *mualaf* di Hulu Langat, Selangor, telah diedarkan satu set borang soal selidik kepada responden yang terpilih. Responden adalah terdiri daripada pelajar-pelajar *mualaf* yang mengikuti pengajian kelas agama di Hulu Langat, Selangor yang dipilih secara rawak. Soal selidik yang dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti tahap keberkesanan atau impact dakwah kepada golongan *mualaf*.

Latar Belakang Demografi Responden

Jantina

Jantina responden terdiri daripada lelaki dan perempuan. Kajian dijalankan untuk mendapatkan respon terhadap lelaki dan perempuan dari kalangan *mualaf* di pusat pengajian di Hulu Langat, Selangor.

Jadual 2: Jantina responden

Jantina	Bilangan Responden	Peratus (%)
Lelaki	52	39.4
Perempuan	80	60.6
Jumlah keseluruhan	132	100.0

Sumber: Borang Soal Selidik 2019

Responden adalah terdiri dalam kalangan *mualaf* yang mengikuti pengajian kelas di Hulu Langat, Selangor seramai 132 orang. Dengan menggunakan saiz sampel Krejcie & Morgan (1970), seramai 132 dari 200 orang *mualaf* di Hulu Langat dipilih secara rawak untuk dijadikan bahan kajian. Jadual 4.1 menunjukkan 39.4% atau 52 orang responden daripada keseluruhan jumlah responden adalah lelaki manakala 60.6% atau 80 orang responden adalah perempuan. Perbezaan ini berlaku kerana daripada pemerhatian, pelajar-pelajar *mualaf* yang mengikuti kelas pengajian agama, ini ramai terdiri daripada golongan perempuan daripada golongan lelaki. Oleh yang demikianlah wujudnya perbezaan ini yang mana responden perempuan lebih ramai daripada responden lelaki.

Pekerjaan

Melalui jenis pekerjaan golongan *mualaf* dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu, sektor kerajaan, sektor swasta dan bekerja sendiri.

Jadual 3 : Pekerjaan Responden

Pekerjaan	Bilangan Responden	Peratus (%)
Kerajaan	10	7.6
Swasta	37	28.0
Sendiri	85	64.4
Jumlah keseluruhan	132	100.0

Sumber: borang soal selidik 2019

Daripada jumlah keseluruhan sebanyak 64.4% bekerja sendiri seperti berniaga, mencucuk tanam dan sebagainya. Responden yang mewakili bekerja sendiri adalah seramai 85 orang. Seterusnya diikuti dengan kakitangan swasta iaitu seramai 37 orang dengan jumlah 28.0% peratus. Manakala responden yang bekerja dengan kerajaan adalah sebanyak 7.6% yang mewakili 10 orang. Kesimpulannya, bahawa responden yang bekerja sendiri lebih ramai daripada pekerjaan-pekerjaan yang lain. Daripada pemerhatian kajian, responden tidak mempunyai latar belakang pendidikan yang tinggi, sehubungan dengan itu mereka tidak bekerja di sektor-sektor kerajaan dan swasta. Mereka lebih senang memilih untuk bekerja sendiri seperti menjadi petani dan penoreh getah. Ada juga dikalangan mereka memilih untuk tidak bekerja.

Taraf Pendidikan

Taraf pendidikan responden telah dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu bermula dari tahap PMR, SPM dan Ijazah (degree, Master, Phd).

Jadual 4: Taraf Pendidikan

Pekerjaan	Bilangan Responden	Peratus (%)
PMR	53	40.2
SPM	59	44.7
Ijazah (Degree, Master, Phd)	20	15.2
Jumlah keseluruhan	132	100.0

Sumber: borang soal selidik 2019

Berdasarkan jadual 4 menunjukkan tahap pendidikan responden. Daripada jumlah keseluruhan responden iaitu seramai 59 orang dengan peratus yang paling tinggi iaitu 44.7% mempunyai pendidikan di peringkat SPM. Manakala pada peringkat PMR pula sebanyak 40.2% dengan mewakili 53 orang. Sementara bagi ijazah (Degree, Master, Phd) adalah seramai 20 orang mencatatkan peratus yang paling sedikit iaitu sebanyak 15.2%. Kesimpulannya, majoriti responden hanyalah setakat lulusan SPM. Ini adalah kerana responden tidak berminat untuk melanjutkan pelajaran yang lebih tinggi disebabkan faktor kewangan serta kurangnya kesedaran tentang peri pentingnya pendidikan.

Impak Dakwah Kepada Mualaf

Dalam bahagian ini, pengkaji mengkaji mengenai kesan atau impak dakwah kepada para golongan *mualaf* setelah menggunakan pendekatan dakwah sebelum ini. Pada bahagian ini, pengkaji telah menanyakan sebanyak 7 soalan. Diantaranya soalan yang ditanya mengenai kesan dakwah dari segi fahaman *mualaf* tentang Islam meningkat atau menurun, *mualaf* boleh mengamalkan Islam dalam kehidupan, wujud perasaan macam mana selepas memeluk agama Islam, dari sudut kebajikan, dari aspek emosi juga tidak ketinggalan, impak dakwah dari segi

pelaksanaan ibadah para *mualaf* dengan betul dan pengukuhan pegangan para *mualaf* setelah diberi penerangan atau kaedah dakwah mengenai ajaran Islam yang sebenar. Pda bahagian ini juga, pengkaji telah menyediakan jawapan di mana responden perlu menjawab kepada lima kategori jawapan iaitu, sangat tidak setuju, tidak setuju, kurang setuju, setuju dan sangat setuju.


Meningkatkan Kefahaman Mualaf Tentang Islam

Melalui pembelajaran agama dalam kelas khusus yang disediakan untuk para *mualaf*, dan juga program aktiviti dakwah *mualaf*.

Jadual 5: Meningkatkan Kefahaman Mualaf Tentang Islam

Perkara	Bilangan Responden	Peratus (%)
Sangat tidak setuju	2	1.5
Tidak setuju	1	.8
Kurang setuju	1	.8
Setuju	39	29.5
Sangat setuju	89	67.4
Jumlah keseluruhan	132	100.0

Sumber: borang soal selidik 2019



Rajah 5: Meningkatkan Kefahaman Mualaf Tentang Islam

Sumber: borang soal selidik 2019

Setelah mengikuti kelas pengajian sebanyak 67.4% responden dari jumlah keseluruhannya seramai 89 orang responden menyatakan sangat setuju salah satu impak dakwah ialah dapat meningkatkan kefahaman *mualaf* tentang Islam. Di samping itu juga, 39 orang responden dengan peratusan 29.5% setuju. Manakala selebihnya masing-masing

menyatakan kurang setuju dan tidak setuju dengan mencatat peratusan sebanyak 0.8% dengan jumlah seorang responden. 2 orang responden pula menyatakan sangat tidak setuju dengan jumlah peratusannya 1.5%. Tampaknya, kebanyakan responden sangat setuju dengan kelas bimbingan yang diadakan dapat meningkatkan kefahaman mengenai Islam. Pemerhatian yang dijalankan mendapati guru-guru agama yang mengajar responden khususnya di dalam kelas fardu ain mengajar dengan menggunakan pendekatan yang mudah difahami.


Mualaf Boleh Mengamalkan Islam dalam Kehidupan

Islam adalah agama yang mudah dan tidak memayahkan para penganutnya. Islam sangat menjaga dan menggariskan panduan dalam semua aspek. Baik dari segi kehidupan dunia atau akhirat.

Jadual 6: Mualaf Boleh Mengamalkan Islam Dalam Kehidupan

Perkara	Bilangan Responden	Peratus (%)
Sangat tidak setuju	1	0.8
Tidak setuju	2	1.5
Kurang setuju	1	0.8
Setuju	35	26.5
Sangat setuju	93	70.5
Jumlah keseluruhan	132	100.0

Sumber: borang soal selidik 2019



Rajah 6: Mualaf Boleh Mengamalkan Islam Dalam Kehidupan

Sumber: borang soal selidik 2019

Daripada jadual 6, di atas 93 responden dengan peratusannya sebanyak 70.5% menyatakan sangat setuju dan 35 orang responden lagi atau sebanyak 26.5% menyatakan setuju tentang impak dakwah sehingga mualaf boleh mengamalkan Islam dalam kehidupan dan tidak

membebankan umatnya. Namun terdapat juga mengatakan tidak setuju iaitu 2 orang responden dengan peratusannya 1.5%. manakala selebihnya hanya seorang responden dengan peratusan 0.8% sangat tidak setuju dan kurang setuju. Kesimpulannya, majoriti responden sangat setuju bahawa agama Islam boleh diamalkan dalam kehidupan kerana peranan yang dimainkan oleh kelas fardu ain ini adalah besar kerana dapat membawa responden mengenali konsep sebenar Islam yang tidak membebankan sehingga dapat menerima Islam dalam kehidupan mereka.

Wujudnya Perasaan Tenang dan Tenteram dalam Diri Selepas Memeluk Agama Islam

Di bahagian ini, pengkaji membahagikan perasaan tenang responden setelah memeluk agama Islam kepada lima bahagian sama ada sangat setuju, setuju, kurang setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju.

Jadual 7: Wujudnya Perasaan Tenang dan Tenteram Dalam Diri Selepas Memeluk Agama Islam

Perkara	Bilangan Responden	Peratus (%)
Sangat tidak setuju	1	0.8
Tidak setuju	0	0
Kurang setuju	1	.8
Setuju	31	23.5
Sangat setuju	99	75.0
Jumlah keseluruhan	132	100.0

Sumber: borang soal selidik 2019



Rajah 7: Wujudnya Perasaan Tenang dan Tenteram dalam Diri Selepas Memeluk Agama Islam.

Sumber: borang soal selidik 2019

Selepas dianalisis pengkaji mendapati bahawa sebahagian besar responden menyatakan sangat setuju dan setuju wujudnya perasaan tenang dan tenteram selepas memeluk agama Islam. 99 orang atau 75.0% sangat setuju dan seramai 31 orang atau 23.5% menyatakan setuju tentang pernyataan tersebut. Selebihnya kurang setuju dan sangat tidak setuju. Masing-masing adalah seorang responden dengan peratusan 0.8% manakala bagi tidak setuju tiada seorang pun responden. Kesimpulannya, kebanyakan responden menyatakan bahawa selepas mereka memeluk agama Islam, mereka merasa tenang dan tenteram dengan ajaran agama ini. Selepas responden memeluk Islam, banyak pihak pertubuhan sama ada persendirian atau berwajib menghulurkan bantuan bukan sahaja dari segi sumbangan fizikal malahan menganjurkan program untuk merai para *mualaf* sekaligus memberi ketenteraman dalam diri *mualaf*.


Kebajikan Para Mualaf Terjaga

Setiap Mualaf akan diberikan zakat untuk lagi mengukuhkan pegangan terhadap Islam. Dirai juga dengan pelbagai bantuan yang disumbangkan oleh pihak berwajib mahupun orang Islam.

Jadual 8: Kebajikan Para Mualaf Terjaga

Perkara	Bilangan Responden	Peratus (%)
Sangat tidak setuju	1	0.8
Tidak setuju	3	2.3
Kurang setuju	17	12.9
Setuju	35	26.5
Sangat setuju	76	57.6
Jumlah keseluruhan	132	100.0

Sumber: borang soal selidik 2019



Rajah 8: Kebajikan Para Mualaf Terjaga

Sumber: borang soal selidik 2019

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan pengkaji mendapati jumlah responden golongan *mualaf* sangat bersetuju dan setuju yang mengatakan bahawa kebajikan para *mualaf* amat terjaga. Daripada jumlah responden yang menjawab soalan ini mendapati sebanyak 76 orang atau sebanyak 57.6% sangat setuju dan 35 orang atau peratusan 26.5% setuju dengan pernyataan berikut. Sementara itu pula seramai 17 orang atau 12.9% kurang setuju dengan pernyataan tersebut. Ada juga responden tidak bersetuju dan sangat tidak setuju dengan pernyataan ini. Bagi yang tidak setuju adalah seramai 3 orang atau sebanyak 2.3% manakala bagi responden yang memberikan jawapan sangat tidak setuju adalah seorang responden dengan peratusan sebanyak 0.8%. Keseluruhannya, responden sangat bersetuju bahawa kebajikan mereka terjaga. Selepas responden memeluk Islam, banyak badan-badan dakwah seperti PERKIM, ABIM dan MACMA sendiri terlibat secara langsung menghulurkan bantuan-bantuan kepada mereka. Keadaan ini semestinya mendatangkan keselesaan kepada mereka terhadap agama Islam yang mereka anuti ini.


Aspek Emosi Para Mualaf Terjaga

Antara masalah yang sering dihadapi oleh saudara baru ialah dari aspek emosi kerana mendapat pelbagai ujian seperti tentangan keluarga yang hebat, dicemuh kaum sendiri dan sebagainya. Kerana itulah Islam amat menitik beratkan aspek fizikal dan spiritual.

Jadual 9: Aspek Emosi Para Mualaf Terjaga

Perkara	Bilangan Responden	Peratus (%)
Sangat tidak setuju	2	1.5
Tidak setuju	2	1.5
Kurang setuju	16	12.1
Setuju	43	32.6
Sangat setuju	69	52.3
Jumlah keseluruhan	132	100.0

Sumber: borang soal selidik 2019



Rajah 9: Aspek Emosi Para Mualaf Terjaga

Sumber: borang soal selidik 2019

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan pengkaji mendapati jumlah responden golongan Mualaf sangat bersetuju dan setuju yang mengatakan bahawa aspek para Mualaf amat terjaga. Daripada jumlah responden yang menjawab soalan ini mendapati sebanyak 69 orang atau sebanyak 52.3% sangat setuju dan 43 orang atau peratusan 32.6% setuju dengan pernyataan berikut. Sementara itu pula seramai 16 orang atau 12.1% kurang setuju dengan pernyataan tersebut. Ada juga responden tidak bersetuju dan sangat tidak setuju dengan pernyataan ini. Masing-masing bagi yang tidak setuju dan sangat tidak setuju adalah seramai 2 orang atau sebanyak 1.5%. Kesimpulannya, majoriti responden sangat setuju bahawa dari aspek emosi para *mualaf* terjaga. Hal ini kerana dari segi pemerhatian yang dilakukan, para guru yang mengajar bukan setakat mengajar ilmu fardu ain tapi juga sentiasa menjadi pendengar setia dan menyediakan khidmat kaunseling menyebabkan emosi *mualaf* sentiasa dalam keadaan baik.


Mualaf Dapat Membuat Ibadah dengan Betul

Ibadah seperti berpuasa di bulan Ramadhan, menunaikan solat 5 kali sehari adalah ibadah yang wajib dilakukan oleh seluruh umat Islam. Dengan beribadah secara betul dapat melatih kita dari melakukan perbuatan yang mungkar dan dapat menyihatkan tubuh badan kita.

Jadual 10: Muafaf Dapat Membuat Ibadah dengan Betul

Perkara	Bilangan Responden	Peratus (%)
Sangat tidak setuju	0	0
Tidak setuju	1	.8
Kurang setuju	6	4.5
Setuju	38	28.8
Sangat setuju	87	65.9
Jumlah keseluruhan	132	100.0

Sumber: Borang soal selidik 2019



Rajah 10: Muafaf Dapat Membuat Ibadah dengan Betul

Sumber: borang soal selidik 2019

Selepas dianalisis pengkaji mendapati bahawa sebahagian besar responden menyatakan sangat setuju dan setuju bahawa para Muallaf dapat membuat ibadah dengan betul asbab dari pendidikan dan pembelajaran yang diberikan. 87 orang atau 65.9% sangat setuju dan seramai 38 orang atau 28.8% menyatakan setuju tentang pernyataan tersebut. Selebihnya kurang setuju dan sangat tidak setuju. Manakala bagi yang kurang setuju ialah seramai 6 orang atau peratusannya sebanyak 4.5% dan tidak setuju hanyalah seorang responden dengan peratusan sebanyak 0.8%. Dan di bahagian sangat tidak setuju tiada responden. Ini membuktikan kebanyakan responden sangat setuju dengan pernyataan bahawa mereka dapat membuat ibadah dengan betul. Hal ini menunjukkan perkembangan yang positif terhadap usaha-usaha dakwah yang dilakukan. Mengikut kepada pemerhatian penyelidik, banyak pihak yang telah memberi pelbagai program dan bimbingan yang betul kepada mereka khususnya daripada badan-badan dakwah dan tenaga pengajar.


Mengukuhkan Pegangan Para Muallaf Terhadap Agama Islam

Salah satu bahagian atau aspek yang sangat penting iaitu mengenai pegangan akidah para Muallaf. Iaitu menguatkan bahawa Islam adalah agama yang terbaik dan sempurna.

Jadual 11: Mengukuhkan Pegangan Para Muallaf Terhadap Agama Islam

Perkara	Bilangan Responden	Peratus (%)
Sangat tidak setuju	0	0
Tidak setuju	0	0
Kurang setuju	7	5.3
Setuju	38	28.8
Sangat setuju	87	65.9
Jumlah keseluruhan	132	100.0

Sumber: borang soal selidik 2019



Rajah 11: Mengukuhkan Pegangan Para Mualaf Terhadap Agama Islam

Sumber: borang soal selidik 2019

Melalui kajian yang telah dijalankan, pengkaji mendapati daripada jumlah keseluruhan responden yang mengisi borang soal selidik seramai 87 orang iaitu sebanyak 65.9% mengatakan mereka sangat setuju dengan impak dakwah iaitu dapat mengukuhkan pegangan para Mualaf terhadap Islam. Manakala seramai 38 orang dengan peratusan 28.8% setuju dan hanya 7 orang responden atau peratusan 5.3% sahaja yang kurang setuju. Manakala tiada langsung responden menyatakan tidak setuju atau sangat tidak setuju. Majoriti responden sangat setuju dapat mengukuhkan pegangan para mualaf terhadap agama Islam lantaran pengajaran dan kaedah penerangan yang diberikan. Keselarian ajaran Islam dengan kehidupan manusia juga menjadikan responden lebih berminat kepada agama Islam berbanding dengan ajaran-ajaran yang lain. Oleh yang demikian, Islam telah menjadi satu agama yang mereka cari selama ini kerana ianya dilihat sebagai agama yang lengkap.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa dakwah ialah suatu usaha mulia mengajak manusia secara berterusan supaya menyembah Allah dan melarang manusia daripada melakukan perbuatan yang dilarang oleh Allah SWT. Dalam kajian di atas dapat dilihat, rata-rata responden merasa sangat tenang dan tenteram selepas memeluk Islam. Malah, boleh mengamalkan ibadah dengan betul dengan panduan dan pendekatan dakwah yang diberikan. Namun, masih ada beberapa orang sahaja yang kurang setuju dapat mengamalkan ibadah dengan betul tetapi mereka masih boleh dibimbing untuk terus mempelajari dan mengukuhkan pegangan kepada agama Islam. Bagi kebanyakan golongan Mualaf yang mengikuti kelas pengajian di Hulu Langat, kurang mengalami masalah kurangnya pegangan kepada Islam. Pengkaji mendapati daripada soal selidik yang telah dijalankan hanya beberapa orang sahaja yang mengalami masalah tersebut.

Rujukan

- Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. 2015. *Mengenal Kuantitatif & Kualitatif dalam Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amran Kasimin. 1985. "Saudara Baru Cina di Wilayah dan Selangor", Monograf 11, Bangi: Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM, hlm. 9.
- Chua Yan Piaw. 2006. *Asas Statistika Pengkajian*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Kamus Dewan*. 2013. Edisi Keempat. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka
- System *Statistical Package for Social Science (SPSS)*, versi 26.
- Rohana Yusof. 2003. *Penyelidikan Sains Sosial*. Pahang: PTS Publication & Dist.